

UM 12/8/24 pg 1 & 6



## Selamat dimakan

**MAHADIR** Haris menuai kupang yang ditenaknya di Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson di Negeri Sembilan semalam. Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengesahkan bacaan biotoksin kupang di kawasan itu turun di bawah 400 per bilion. - **UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN** (Berita di muka 6)

# Kupang: Nelayan Pasir Panjang tarik nafas lega

UM 12/8/24 PG 6

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.isa@mediamulia.com.my

**PORT DICKSON:** Keputusan Jabatan Perikanan menarik balik larangan terhadap pengeluaran hasil kerang-kerangan khususnya kupang di perairan Port Dickson memberikan kelegaan kepada golongan nelayan di kawasan Pasir Panjang di sini

Menurut mereka, kebenaran tersebut sudah tentu menambah semula pendapatan nelayan yang turut bergantung kepada hasil kupang dan kerang selain hasil laut lain seperti ikan.

Seorang nelayan yang juga penternak kupang di Kampung Balak, Mahadir Haris, 42, berkata, sejak larangan dikuatkuasakan pada April lalu, dia terpaksa menanggung kerugian kerana kupang yang ditenak tidak dapat dituai hasilnya.

“Sudah tentu keputusan menarik balik larangan ini mengembirakan kerana situasi kembali kepada asal semula. Sejak April lalu memang kami tidak dapat meraih hasil sedangkan permintaan sentiasa ada sehinggalah ada kupang yang ditenak turut mati.

“Mujur keputusan menarik balik larangan ini sudah dibuat, jika masih ditunggu lagi kupang yang ditenak dengan kaedah pangkar akan mati malah saiznya juga sudah besar,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Balak, Pasir Panjang di sini.

Kelmarin Timbalan Menteri



**MAHADIR Haris menuai hasil kupang yang ditenaknya ketika ditemui di Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**

Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup memaklumkan, larangan ke atas penuaian dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan dan Melaka yang sebelum ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Perikanan telah ditarik balik.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat berikutan bacaan biotoksin bagi sampel ke-15 telah menunjukkan penurunan ke paras selamat iaitu di bawah 400 per bilion (ppb)

Sementara itu, Mahadir berka-

ta, setelah maklumat mengenai keputusan tersebut diketahui, beberapa orang pelanggan telah mula menghubunginya bagi mendapatkan bekalan kupang.

Bagaimanapun, para nelayan belum boleh mengeluarkan hasil kerana keadaan rebut yang berlaku sejak beberapa hari kebelakangan ini selain keadaan air laut yang tidak baik.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Telok Kemang, Md Isa Johar berkata, keputusan menarik balik larangan tersebut sesuatu

yang sangat dinantikan oleh nelayan.

“Selain daripada hasil ikan, hasil laut seperti kerang dan kupang memang menjadi sumber pendapatan nelayan. Akhirnya selepas hampir empat bulan, larangan ini ditarik balik.

“Selepas ini saya berharap nelayan sekiranya mereka mengenali pasti dan melihat sesuatu yang pelik terhadap hasil laut mereka itu, segeralah dimaklumkan dan jangan disembunyikan agar tindakan awal dapat diambil,” katanya lagi.